Chin Wee Yee lwn Menteri Dalam Negeri, Kuala Lumpur & Satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO Q–01–296 TAHUN 1996
LAMIN PMR, ABDUL MALEK AHMAD DAN AHMAD FAIRUZ HHMR
22 JULAI 1997

Tahanan Pencegahan *— Perintah tahanan — Kesahan tahanan — Sama ada siasatan sebelum perintah dibuat adalah wajib — Sama ada s 33A(1) Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 dan s 46 Akta Tafsiran 1967 mewajibkan Menteri melantik suatu jawatankuasa bagi mendengar rayuan perayu — Sama ada perayu sepatutnya dituduh di bawah statut lain memandangkan bahawa kesalahan yang dilakukannya adalah kesalahan di bawah statut tersebut — Akta Kediaman Terhad 1933 s 2(i) & (ii) — Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 s 33A(1) — Akta Tafsiran 1967 s 46*

Perayu telah ditangkap dan ditahan di bawah suatu waran tangkap dan tahan yang dikeluarkan di bawah s 2(i) Akta Kediaman Terhad 1933 ('Akta itu'). Berdasarkan waran tangkap dan tahan itu dan alasan-alasan menangkap yang telah diserahkan kepada perayu ('Lampiran A'), perayu telah menulis surat rayuan kepada Menteri Dalam Negeri ('penentang pertama'). Malangnya, tegas perayu dalam afidavitnya, rayuannya itu tidak langsung didengar. Ini, kata peguam perayu, menyanggahi s 33A(1) Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 dan s 46 Akta Tafsiran 1967 yang dikatakannya mewajibkan Menteri melantik suatu jawatankuasa bagi mendengar rayuan yang telah dibuat itu.

Dengan itu, perayu telah memohon ke Mahkamah Tinggi untuk perintah certiorari membatalkan perintah tahanan itu, deklarasi bahawa perintah itu adalah ultra vires dan batal, perintah mandamus agar penentang pertama memanggil dan/atau mendengar rayuannya seperti terkandung dalam Lampiran A dan selanjutnya perintah habeas corpus agar penentang kedua mengemukakan perayu ke Mahkamah Tinggi dan kemudiannya membebaskannya (lihat [1997] 5 MLJ 585). Hujah-hujah perayu adalah, antara lain: (i) siasatan sebelum perintah di bawah s 2(ii) Akta itu dibuat ke atasnya adalah haknya dan adalah wajib diadakan; dan (ii) perayu sepatutnya dituduh di mahkamah atas kesalahan di bawah Kanun Keseksaaan (NMB Bab 45) dan/atau Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sarawak (Bab 56) memandangkan bahawa kesalahan yang dilakukannya adalah kesalahan di bawah statut-statut tersebut. Mahkamah Tinggi menolak permohonan perayu. Perayu merayu.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Kedua-dua s 33A(1) Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948, dan s 46 Akta Tafsiran 1967 ketara sekali jelas pengertiannya. Seksyen-seksyen itu memerlukan kewujudan suatu undang-undang bertulis yang memperuntukkan hak merayu terhadap keputusan seseorang, dan yang berhak merayu itu pula dibolehkan oleh undang-undang itu untuk membuat rayuan kepada Yang

di-Pertuan Agong atau Menteri. Nyatalah bahawa rayuan yang dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong atau Menteri itu adalah atas keputusan yang telah dibuat oleh seseorang tertentu. Perenggan (2) dalam Lampiran A memperkatakan mengenai rayuan kepada Menteri dan rayuan itu adalah mengenai keputusan yang dibuat oleh Menteri. Terserlahlah, oleh itu, bagaimana kedua-dua seksyen itu tidak boleh digunapakai bagi rayuan dalam Lampiran A itu (lihat ms 574A–C).

(2) Terseliuhlah bahasa jika perkataan-perkataan dalam s 2(i) dan (ii) Akta itu 'as he may deem necessary' dimengertikan 'Menteri wajib mengadakan siasatan'. Terpampang sekali bahawa Menteri mempunyai budibicara untuk mengadakan atau meniadakan siasatan itu (lihat ms 574H); *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors v Cheow Siong Chin* [1988] 1 MLJ 432 diikut.

(3) Kes mahkamah menunjukkan bahawa suatu perintah di bawah suatu undang-undang tertentu tidaklah menyalahi undang-undang semata-mata kerana Menteri telah gagal menimbangkan sama ada suatu pendakwaan jenayah yang biasa juga boleh memenuhi tujuan yang sama. Apatah lagi dengan ketiadaan keterangan yang mendedahkan bahawa Timbalan Menteri telah gagal mengambil kira hal pendakwaan jenayah itu (lihat ms 575I dan 576A–B); *Re Yap Chin Hock v Minister of Home Affairs & Anor and other applications* [1989] 2 CLJ 860 diikut.

(4) Tiada terdapat sebarang kecacatan dalam proses pencapaian keputusan yang diamalkan oleh Timbalan Menteri. Malah, keterangan-keterangan afidavit menunjukkan Timbalan Menteri bukan sahaja mempunyai kuasa melaksanakan kuasa-kuasa Menteri di bawah Akta itu tetapi telah melaksanakan kuasa-kuasa Menteri di bawah Akta itu dengan penuh kepatuhan secara terperinci segala kehendak-kehendak Akta itu dan Perlembagaan Persekutuan. Adalah menjadi perundangan taktertikai mengenai peranan mahkamah dalam permohonan-permohonan certiorari — iaitu mahkamah hanya meneliti akan kesempurnaan proses pencapaian keputusan oleh pemutus. Dengan itu, Mahkamah Tinggi tidak boleh dikatakan silap dalam keputusannya (lihat ms 576C–E).

[English summary

The appellant was arrested and detained under a warrant of arrest and detention issued under s 2(i) of the Restricted Residence Act 1933 ('the Act'). Based on the warrant of arrest and detention and the grounds of arrest handed to the appellant ('Annexure A'), the appellant had written a letter of appeal to the Minister of Home Affairs ('the first respondent'). Unfortunately, the appellant averred in his affidavit, his appeal was not heard at all. Counsel for the appellant alleged this was contrary to s 33A(1) of the Interpretation and General Clauses Ordinance 1948 and s 46 of the Interpretation Act 1967 which he alleged compelled the Minister to appoint a committee to hear the appeal which was lodged.

Consequently, the appellant applied to the High Court for an order of certiorari to cancel the order of detention, a declaration that the order was ultra vires and void, an order of mandamus that the first respondent convene and/or hear his appeal as contained in Annexure A and further an order of habeas corpus that the second respondent present the appellant to the High Court and thereafter release him (see [1997] 5 MLJ 585). The appellant's contentions were that, inter alia: (i) the enquiry prior to an order being made on him under s 2(ii) of the Act was his right and convening it was a necessity; and (ii) the appellant should have been charged in court for an offence under the Penal Code (FMS Cap 45) and/or the Sarawak Minor Offences Ordinance (Cap 56) since the offence committed was an offence under those statutes. The High Court dismissed the appellant's application. The appellant appealed.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) Both s 33A(1) of the Interpretation and General Clauses Ordinance 1948, and s 46 of the Interpretation Act 1967 are very clear in their meaning. Those sections require the existence of written law which provides for the right of appeal against a decision, and the party who has a right of appeal is in turn enabled by that law to lodge an appeal to the Yang di-Pertuan Agong or the Minister. It is apparent that the appeal made to the Yang di-Pertuan Agong or the Minister is on a decision which had been made by a certain person. Paragraph (2) in Annexure A makes mention of appeal to the Minister and the appeal was in connection with a decision made by the Minister. Therefore, it is clear how both the sections could not be adopted for the appeal in Annexure A (see p 574A–C).

(2) It would run counter to the language of the statute if the words in s 2(i) and (ii) of the Act 'as he may deem necessary' were taken to mean 'the Minister shall convene an enquiry'. It is obvious that the Minister has the discretion to convene or waive the enquiry (see p 574H); *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors v Cheow Siong Chin* [1988] 1 MLJ 432 followed.

(3) Court cases showed that an order under certain legislation cannot be contrary to law merely because the Minister failed to consider whether an ordinary criminal charge can also fulfil the same purpose. What more in the absence of evidence which disclosed that the Deputy Minister had failed to take into account the matter of the criminal charge (see pp 575I and 576A–B); *Re Yap Chin Hock v Minister of Home Affairs & Anor and other applications* [1989] 2 CLJ 860 followed.

(4) There was no defect in the decision-making process adopted by the Deputy Minister. Indeed, affidavit evidence indicate the Deputy Minister was not only empowered to exercise Ministerial powers under the Act but had exercised Ministerial powers under the Act in full and detailed compliance with all requirements of the Act and the Federal Constitution. It is settled law that in

certiorari applications the court merely scrutinizes the completeness of the decision-making process by the trier. Therefore, the High Court could not be said to have erred in its decision (see p 576C–E).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tahanan pencegahan, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1096–1286.

Kes-kes yang dirujuk

Azman Abdullah v Ketua Polis Negara [1997] 1 CLJ 257 (dirujuk)
B Narasimhalu Chettiar & Ors v The Central Government & Ors AIR 1976 Mad 224 (dirujuk)
Yap Chin Hock v Minister of Home Affairs, Re & Anor and other applications [1989] 2 CLJ 860 (diikut)
Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors v Cheow Siong Chin [1988] 1 MLJ 432 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985
Akta Kediaman Terhad 1933 s 2(i), (ii)
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ss 46, 100
Akta Tafsiran 1967 s 46
Gold Control (Licensing of Dealers) Rules 1969 k 3(ee) [Ind]
Kanun Keseksaaan (NMB Bab 45)
Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sarawak (Bab 56)
Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 s 33A(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(3)

Rayuan daripada: Usul Pemula No 25–02–96 (MR) (Mahkamah Tinggi, Miri)

Tai Choi Yu (*Tai Choi Yu & Co*) untuk perayu.
Abdul Alim Abdullah (*Mohd Abazafree Mohd Abas* bersamanya) untuk penentang-penentang.

Ahmad Fairuz HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah): Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Miri, Sarawak menolak dengan kos permohonannya. Lantas, dia merayu ke mahkamah ini.

Di Mahkamah Tinggi itu, dia (perayu) memohon agar perintah certiorari dikeluarkan bagi memindahkan dua perintah Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah s 2(ii) dan s 2A(i) Akta Kediaman Terhad 1933 (selepas ini disebut 'Akta itu') ke Mahkamah Tinggi dan seterusnya membatalkan perintah-perintah itu. Juga dipohonnya, sebagai tambahan atau alternatif, suatu deklarasi bahawa kedua-dua perintah itu adalah ultra vires dan batal dan tidak sah. Turut dipintanya suatu perintah mandamus agar penentang pertama memanggil dan/atau mendengar rayuannya seperti

terkandung dalam Lampiran 'A'. Selanjutnya dipohonnya pula perintah habeas corpus agar penentang kedua mengemukakan perayu ke Mahkamah Tinggi dan kemudiannya membebaskannya. Dan akhir sekali, dia memohon ganti rugi.

Perintah di bawah s 2(ii) Akta itu menghendaki perayu tinggal di bandar Kuala Pilah, Negeri Sembilan, untuk selama dua tahun mulai 14 Februari 1996. Perintah di bawah s 2A(i) Akta itu pula, memerlukan perayu diawasi polis selama tempoh masa yang sama seperti dalam perintah di bawah s 2(ii) itu.

Sebelum perintah-perintah itu dikuatkuasakan, perayu telah ditangkap dan ditahan di bawah suatu waran tangkap dan tahan yang dikeluarkan di bawah s 2(i) Akta itu. Pada masa itu, waran tangkap dan tahan itu dan alasan-alasan menangkap di bawah Akta itu dan perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan (selepas ini disebut 'Lampiran A') telah diserahkan kepada perayu selepas kandungan dokumen-dokumen itu dijelaskan kepadanya.

Lampiran A inilah dijadikan oleh peguam terpelajar perayu sebagai isu pertamanya. Dirujuknya kepada perenggan (2) dalam Lampiran A yang berbunyi:

> Jika kamu ingin membuat apa-apa rayuan untuk pertimbangan saya, kamu boleh berbuat demikian dalam masa empat belas hari selepas menerima alasan-alasan ini.

Bagi menyahuti perenggan (2) itu, peguam terpelajar perayu telah, pada 2 Februari 1996, menulis surat rayuan kepada Menteri Dalam Negeri. Malangnya, tegas perayu dalam afidavitnya, rayuannya itu tidak langsung didengar. Ini, kata peguam terpelajar perayu, menyanggahi s 33A(1) Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 (Interpretation and General Clauses Ordinance 1948) dan s 46 Akta Tafsiran 1967 (Interpretation Act 1967). Kedua-dua undang-undang ini telah disatukan menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Interpretation Acts 1948 and 1967). Seksyen 33A(1) itu (s 100 dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967) mengatakan:

> Where under any written law an appeal against the decision of any person lies to the Yang di-Pertuan Agong or a Minister it shall be lawful for the Yang di-Pertuan Agong or the Minister, unless the contrary intention appears in such written law, when such appeal is made to him to appoint a Committee for the purpose of hearing such appeal and advising him as to the decision that should be made thereon:
>
> Provided that no person from whose decision the appeal is made shall be appointed a member of such Committee.

Seksyen 46 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 pula berbunyi:

> (1) The Yang di-Pertuan Agong or a Minister, where an appeal is made to him in pursuance of any written law, may appoint a committee (which shall not include the person from whose decision the appeal is made) for the purpose of hearing the appeal and tendering advice as to the decision which should be made thereon.

Ditegaskan oleh peguam terpelajar perayu bahawa kedua-dua seksyen itu mewajibkan Menteri melantik suatu jawatankuasa bagi mendengar rayuan yang telah dibuat oleh peguam terpelajar perayu itu.

Kedua-dua seksyen tersebut itu ketara sekali jelas pengertiannya. Tanpa sebarang kekaburan seksyen-seksyen itu memerlukan kewujudan suatu undang-undang bertulis. Dan undang-undang itu hendaklah memperuntukkan hak merayu terhadap keputusan seseorang. Dan yang berhak merayu itu pula dibolehkan oleh undang-undang itu membuat rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Menteri. Nyatalah bahawa rayuan yang dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong atau Menteri itu adalah atas keputusan yang telah dibuat oleh seseorang tertentu. Perenggan (2) dalam Lampiran A memperkatakan mengenai rayuan kepada Menteri dan rayuan itu adalah mengenai keputusan yang dibuat oleh Menteri. Terserlahlah, oleh itu, bagaimana kedua-dua seksyen itu tidak boleh digunapakai bagi rayuan dalam perenggan (2) Lampiran A itu.

Beralih pula kini kepada hak perayu untuk suatu siasatan (enquiry) sebelum perintah di bawah s 2(ii) dibuat ke atasnya. Dihujjahkan bahawa siasatan itu adalah haknya. Ditekankan bahawa siasatan lanjut (further enquiry) pula, adalah wajib diadakan di bawah s 2(ii) itu. Dikatakan juga bahawa yang arif pesuruhjaya kehakiman tidak patut menolak permohonan-permohonannya manakala tiada keterangan dikemukakan mengenai maklumat bertulis (written information) dan siasatan. Ketiadaan keterangan-keterangan itu, tegas pihak perayu, sepatutnya menyebabkan waran tangkap dan tahan di bawah s 2(i) tidak boleh dikeluarkan.

Untuk menyenangkan penimbangan hujah pihak perayu ini, elok juga diperturunkan peruntukan s 2(i) itu yang adalah seperti berikut:

> Whenever it shall appear to the Minister on such written information and after such enquiry as he may deem necessary that there are reasonable grounds for believing that any person should be required to reside in any particular area or should be prohibited from entering into any particular area or areas the Minister may issue an order in one of the Forms in the Schedule for the arrest and detention or, if he is already in prison, for the detention of that person.

Perkataan-perkataan 'and after such enquiry as he may deem necessary ...' telah dititikberatkan oleh peguam terpelajar perayu. Dalam s 2(ii) pula terdapat perkataan-perkataan '... after such further enquiry as he may deem necessary ...'. Sekali lagi perkataan-perkataan itu khususnya dan perbahasaan dalam s 2(i) dan (ii) itu dengan jelasnya memaparkan maknanya. Terseliuhlah bahasa jika perkataan-perkataan 'as he may deem necessary' dimengertikan 'Menteri wajib mengadakan siasatan'. Terpampang sekali bahawa Menteri mempunyai budi bicara untuk mengadakan atau meniadakan siasatan itu. Penafsiran sedemikian telah dibuat oleh Mahkamah Agung dalam kes *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors v Cheow Siong Chin* [1988] 1 MLJ 432 di ms 434. Isu di dalam kes itu ialah sama ada suatu siasatan mesti diadakan sebelum perintah di bawah s 2(ii) Enakmen Kediaman Terhad (Bab 39) (yang adalah pari materia dengan s 2(ii) Akta itu) dibuat. Dan Mahkamah Agung telah menegaskan:

> In our judgment, an enquiry by the Deputy Minister before he makes an order under s 2(ii) of the Enactment is optional ... The respondent is not entitled as of right to an enquiry before an order under s 2(ii) of the Enactment is issued against him.

A Nyatalah hujah perayu (yang tersebut dalam perenggan 7) kegersangan merit.

Hujah selanjutnya yang diketengahkan perayu ialah mengenai dirinya tidak dimaklumkan alasan-alasan penangkapan dan penahanannya. Hujah ini menemui ajalnya apabila afidavit-afidavit Ketua Inspektor David AK B Ajek dan Detektif Sarjan Liew Chin Kiong menunjukkan sebaliknya. Malah, di belakang Lampiran A terpamer pengakuan perayu sendiri bahawa kandungan Lampiran A telah dimaklumkan kepadanya. Perayu juga menandatangani pengakuan itu.

Dikatakan juga oleh perayu bahawa dia tidak diberi peluang untuk C membela dirinya. Tetapi diakuinya bahawa peguamnya telah membuat rayuan bagi pihaknya. Dan afidavit Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, Timbalan Menteri, menunjukkan rayuan itu telah dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri itu sebelum perintah di bawah s 2(ii) dikeluarkan. Lantas, hujah ini turut terlanda kemarau merit.

Perkara terakhir yang diketengahkan oleh perayu ialah berkaitan D kesalahan dan/atau jenayah yang dilakukan oleh perayu. Dihujahkan bahawa kesalahan itu adalah kesalahan di bawah Kanun Keseksaaan (NMB Bab 45) dan/atau Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sarawak (Bab 56). Oleh kerana itu, perayu berpendapat bahawa beliau sepatutnya dituduh di mahkamah atas kesalahan di bawah statut-statut itu. Kerana tidak E dihadapkan ke mahkamah, perayu oleh itu, telah dinafikan haknya untuk membela dirinya di mahkamah. Ini, katanya adalah bertentangan dengan dasar awam dan prinsip kesamarataan di sisi undang-undang seperti yang dijamin oleh perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Masakan ianya tidak, tegas perayu, manakala ada yang melakukan kesalahan itu dituduh di bawah Kanun Keseksaan atau Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sarawak F (Bab 56), dan ada pula yang diambil tindakan di bawah Akta itu. Untuk memperkukuhkan hujah ini, peguam terpelajar perayu telah utarakan kes *B Narasimhalu Chettiar & Ors v The Central Government & Ors* AIR 1976 Mad 224. Penelitian kes itu akan menunjukkan bahawa mahkamah dalam kes itu menimbangkan kesan k 3(ee) Gold Control (Licensing of Dealers) G Rules 1969. Dalam pertimbangannya itu Ismail H, antara lainnya, telah menyatakan:

> ..., depending upon the particular point of time, at which an application is made the rule will have to be applied differently to different individuals ... .

Jelaslah kes itu melibatkan pemakaian suatu kaedah atau undang-undang H terhadap individu-individu. Dan pemakaian undang-undang yang sama itu dibuat secara berlainan kepada individu-individu yang berlainan. Rayuan ini bagaimanapun melibatkan dua bentuk undang-undang — iaitu Akta itu sebagai suatu bentuk dan Kanun Keseksaan (NMB Bab 45) dan/atau Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sarawak (Bab 56) sebagai bentuk yang satu lagi. Kedua-dua bentuk undang-undang ini adalah saling maujud I (complementary). Begitulah ditegaskan oleh Edgar Joseph Jr H (ketika itu) dalam kes *Re Yap Chin Hock v Minister of Home Affairs & Anor and other applications* [1989] 2 CLJ 860 di ms 869. Persoalan yang lebih kurang sama telah dibangkitkan dalam kes *Re Yap Chin Hock* itu — iaitu pendakwaan mengikut undang-undang jenayah biasa dan tindakan tahanan

pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985). Dalam hal ini, Edgar Joseph Jr H telah menyatakan:

> It follows that an order of preventive detention is not illegal simply because the Minister had failed to consider whether an ordinary criminal prosecution could well have served the purpose ... .

Dengan ini, jelaslah juga bahawa hujah ini tidak bermerit. Apatah lagi dengan ketiadaan keterangan yang mendedahkan bahawa Timbalan Menteri telah gagal mengambil kira hal pendakwaan jenayah itu.

Penghuraian-penghuraian di dalam perenggan-perenggan sebelum ini menunjukkan tiadanya kecacatan dalam proses pencapaian keputusan (decision-making process) yang diamalkan oleh Timbalan Menteri. Malah, keterangan-keterangan afidavit menunjukkan Timbalan Menteri bukan sahaja mempunyai kuasa melaksanakan kuasa-kuasa Menteri di bawah Akta itu tetapi telah melaksanakan kuasa-kuasa Menteri di bawah Akta itu dengan penuh kepatuhan secara terperinci segala kehendak-kehendak Akta itu dan Perlembagaan Persekutuan — khususnya kehendak-kehendak s 2(i) dan (ii) Akta itu dan perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, dari sudut kes *Azman Abdullah v Ketua Polis Negara* [1997] 1 CLJ 257 di ms 273] yang antara lainnya menyerlahkan perundangan taktertikai (settled law) mengenai peranan mahkamah dalam permohonan-permohonan certiorari — iaitu mahkamah hanya meneliti akan kesempurnaan proses pencapaian keputusan oleh pemutus — maka kami berpendapat bahawa Mahkamah Tinggi di Miri tidaklah silap dalam keengganannya mengeluarkan certiorari. Dan kerana Timbalan Menteri telah mematuhi segala kehendak Akta itu dan Perlembagaan Persekutuan, maka tidaklah boleh dikatakan bahawa kedua-dua perintah itu adalah ultra vires, batal dan tidak sah. Oleh demikian, perayu tidaklah boleh dikatakan ditahan secara menyalahi undang-undang atau tanpa sebarang justifikasi undang-undang. Dan kerana perintah habeas corpus adalah terutamanya diguna bagi membebaskan seseorang yang ditahan secara menyalahi undang-undang atau tanpa sebarang justifikasi undang-undang, maka Mahkamah Tinggi di Miri adalah juga betul apabila ianya enggan mengeluarkan deklarasi dan habeas corpus (*Administrative Law of Malaysia and Singapore* oleh MP Jain (Edisi Kedua) di ms 439, 497). Mahkamah Tinggi di Miri itu juga tidak mungkin silap apabila ianya tidak mengeluarkan mandamus kerana Menteri telah juga mendengar dan menimbangkan rayuan perayu. Dengan demikian, tanggungjawab awam (public duty) yang diwajibkan oleh undang-undang supaya Menteri itu lakukan sudah dilaksanakan. Oleh sebab itu, mandamus tidaklah boleh dikeluarkan (*Administrative Law of Malaysia and Singapore* oleh MP Jain (Edisi Kedua) di ms 449).

Berasaskan kandungan perenggan-perenggan di atas, mahkamah ini telah, tanpa mendengar jawapan Peguam Kanan Persekutuan, menolak rayuan perayu dengan kos dan mengarahkan deposit digunakan bagi akaun kos tercukai.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee